

Jenis Akhbar : Bernama  
Tarikh : 14/10/2023  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
Tajuk : ANGKASA, UKM Meterai Moa Tingkat Kesedaran Generasi Muda Terhadap Perubahan Iklim

## ANGKASA, UKM Meterai Moa Tingkat Kesedaran Generasi Muda Terhadap Perubahan Iklim



- 14 Oktober 2023, 4:21 pm

PETALING JAYA, 13 Okt (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini menjalin kerjasama antara lain untuk meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap isu perubahan iklim dan kepentingan melestarikan alam sekitar.

Kerjasama yang dimeterai untuk tempoh dua tahun bermula bulan ini itu akan memberi tumpuan kepada penyelidikan dan kajian, selain usaha penanaman sejuta pokok menerusi program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok yang dilaksanakan Angkasa.

Presiden Angkasa Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata fokus kajian antaranya termasuklah kesan aktiviti dijalankan manusia, impak perubahan iklim jangka pendek dan panjang serta langkah mitigasi bagi mengurangkan impak perubahan iklim.

"Penerbitan pelaporan dan artikel dalam jurnal oleh UKM menerusi kajian ini akan menjadi rujukan untuk pelaksanaan program kesedaran dan aktiviti pemeliharaan alam sekitar oleh anggota koperasi dan masyarakat Malaysia secara amnya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sebelum menandatangani Memorandum Kerjasama Penyelidikan (MoA) untuk tujuan itu bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi) UKM Prof Datuk Dr Wan Kamal Mujani.

Abdul Fattah berkata Angkasa yakin kerjasama dengan UKM akan membantu usaha kerajaan untuk memberi galakan dan membudayakan semangat cintakan alam kepada generasi muda untuk melindungi sumber alam dan meningkatkan kawasan litusan hijau menerusi penanaman pokok berterusan.

Mengulas lanjut tentang usaha penanaman sejuta pokok melibatkan lebih dua juta anggota koperasi sekolah, Abdul Fattah berkata ia merupakan komitmen Angkasa untuk menyokong dasar kerajaan dalam menghijaukan negara melalui inisiatif Kempen Penanaman 100 Juta Pokok menjelang 2025.

Beliau berkata MoA ini merupakan kesinambungan kejayaan MoA pada 2021 melibatkan usaha pemuliharaan hutan terosot di Kompartiment 19, Hutan Simpan Sungai Lalang, Semenyih, yang berjaya membangunkan modul pendidikan dan pembelajaran bertajuk "Sejuta Pokok Segunung Harapan" yang dimanfaatkan 2,481 koperasi sekolah di seluruh Malaysia.

Sementara itu, Wan Kamal berkata kerjasama dengan Angkasa itu ialah cara terbaik untuk memupuk kesedaran berkaitan kelestarian alam sekitar dalam kalangan golongan muda.

"Kajian yang bakal diterbitkan melalui kerjasama itu dapat mengukur sejauh mana kesedaran orang muda terutamanya pelajar terhadap alam sekitar," katanya.

- BERNAMA